

01 OCT 2001

SULTAN BRUNEI HADIRI JAMUAN MALAM DI SERI PERDANA

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah, yang dalam rangka lawatan dua hari ke Malaysia menghadiri jamuan malam di kediaman rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana, Putrajaya malam ini.

Baginda diiringi Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Pengiran Isteri.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sultan Brunei, yang tiba di sini pagi tadi telah mengadakan pertemuan empat mata dengan Dr Mahathir dalam rundingan tahunan kelima dengan Perdana Menteri di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya petang tadi.

Esok, baginda akan dianugerahi ijazah doktor falsafah kehormat sains politik oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada majlis konvokesyen khas, sebelum berangkat pulang.

-- BERNAMA

HK HK RHM